

PEKELILING SETIAUSAHA AGUNG BIL. 4/2022

TARIKH: 22hb Februari 2022

Yang Berbahagia,
Ahli-Ahli Majlis Pimpinan Pusat
Ahli Majlis Pimpinan Negeri
Ahli Majlis Pimpinan Wanita Pusat
Ahli Majlis Angkatan Muda KEADILAN Pusat
Ketua-Ketua Cabang
Setiausaha-Setiausaha Cabang
Parti Keadilan Rakyat

Parti Keadilan Rakyat
A-1-09, Merchant Square
No. 1, Jalan Tropicana Selatan 1
47410 Petaling Jaya
TELEFON: +603 7885 0530
FAKS: +603 7885 0531
E-MAIL: ibupejabat@keadilanrakyat.org
LAMAN WEB: www.keadilanrakyat.org

Saudara-saudari,

PEMILIHAN PARTI PERINGKAT PUSAT DAN CABANG BAGI SESI PIMPINAN 2022-2025

Didahului doa semoga saudara-saudari seisi keluarga beroleh kesejahteraan dan berada dalam semangat juang yang tinggi.

2. Dengan segala hormatnya ingin saya memaklumkan bahawa perjalanan Parti hendaklah menurut Perlembagaan Parti selaras dengan Perlembagaan Parti Fasal 47.3
3. Berikutan dengan itu perjalanan Pemilihan Parti 2022 akan dijalankan menurut kaedah dan peruntukan baru, sesuai dengan ketetapan MPP di dalam mesyuaratnya pada 21 Februari 2022, yang antara lainnya:
 - a) Memperuntukkan pengasingan pelaksanaan Pemilihan Parti dan penganjuran Mesyuarat Agung Tahunan Cabang (MATC). Bermaksud pengendalian Pemilihan Parti dan MATC hendaklah diadakan pada hari yang berbeza.
 - b) Pengundian Peringkat Pusat dan Cabang dijalankan secara pengundian digital (*E-Voting*) melalui kaedah hibrid iaitu undian atas talian dan undian secara fizikal di pusat pengundian.
4. Sila ambil maklum beberapa perkara berkenaan Pemilihan Parti peringkat Pusat dan Cabang bagi Sesi Pimpinan 2022-2025 untuk makluman dan tindakan saudara-saudari:

A. Pemilihan Parti Bagi Sesi Pimpinan 2022-2025

MPP telah memutuskan untuk memanggil Pemilihan Parti bagi Pimpinan MPP, Wanita Pusat, AMK Pusat, Jawatankuasa Cabang, Jawatankuasa Wanita Cabang dan Jawatankuasa AMK Cabang sesi 2022-2025 selaras peruntukan Fasal 47.3 Perlembagaan Parti.

B. Jawatankuasa Pemilihan Pusat (JPP)

MPP telah menubuhkan JPP yang dipengerusikan oleh Dr. Zaliha Mustafa serta 12 orang Ahli JPP selaras dengan Perlembagaan Parti Fasal 47.1.

C. Tempoh Pemilihan Parti

Tempoh Pemilihan Parti bermula dari tarikh pekeliling ini hingga kepada Hari Pengundian terakhir yang ditetapkan oleh JPP.

JPP telah mengeluarkan Jadual-jadual Pemilihan seperti yang terkandung dalam Lampiran A.

D. Jawatan Dipertandingkan

Pemilihan Parti peringkat Pusat dan Cabang adalah melibatkan jawatan-jawatan seperti yang terkandung dalam **Jadual A dan B, Peraturan Pemilihan Parti.**

E. Kelayakan Memilih

Hanya anggota-anggota KEADILAN yang berdaftar sebelum atau pada **31 Januari 2022** sahaja yang layak memilih barisan calon pimpinan di peringkat Pusat dan Cabang.

Daftar Anggota Parti untuk kegunaan Pemilihan 2022 akan dikeluarkan kepada Cabang-Cabang mulai 24 Februari 2022. Manakala calon-calon yang bertanding dalam apa jua peringkat jawatan akan dibekalkan dengan Daftar Pemilih Parti selepas pencalonan mereka disahkan oleh JPP.

F. Kelayakan Untuk Bertanding

Hanya anggota-anggota KEADILAN yang (1) mendapat pencalonan daripada dua orang anggota yang telah menjelaskan yuran keanggotaan dan layak mengundi, (2) menjadi Anggota Parti tidak kurang daripada **dua belas bulan dari tarikh** kelulusan anggota **31 Jan 2022** dan (3) telah menjelaskan Yuran Tahunan Keanggotaan bagi Tahun 2022 sebelum atau pada Hari Pencalonan.

G. Tataetika Pemilihan

MPP telah meluluskan Tataetika Pemilihan pada 25 Jun 2018 untuk digunakan dalam Pemilihan Parti 2022 dan berkuatkuasa serta-merta.

MPP juga telah menetapkan, jika terdapat pindaan dan/atau penambahan terhadap sebarang Tataetika Pemilihan atau apa sahaja peraturan kecil berkaitan dengan pelaksanaan Pemilihan 2022, bahawa Biro Politik mempunyai kuasa untuk meluluskan pindaan yang dibentangkan oleh JPP.

5. Segala urusan dan perjalanan Pemilihan Parti 2022 adalah menurut arahan dan ketetapan Jawatankuasa Pemilihan Pusat dan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Perhatian dan tindakan saudara-saudari mengenai perkara-perkara tersebut di atas amatlah diharapkan dan dihargai.

Harap maklum, terima kasih.

Yang menjalankan amanah,



DATO' SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL

Setiausaha Agung
Parti Keadilan Rakyat

S.k Presiden